



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 4 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	<b>KELANTAN, MAFI BINCANG BANGUNKAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN DI KELANTAN, NEGERI, SH -29</b>	<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)</b>
2.	<b>DUA MILIKI KARKAS DIDENDA RM5,000, NEGARA, KOSMO -18</b>	<b>JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)</b>
3.	<b>USAHAKAN TANAMAN CENDAWAN BANTU GOLONGAN ASNAF, NEGARA, KOSMO -14</b>	<b>LAIN-LAIN</b>
4.	<b>'AMATLAH RUGI', LOKAL, HM -23</b>	
5.	<b>TIADA RUNDINGAN DENGAN PEKEBUN MUSANG KING, DALAM NEGERI, UM -8</b>	
6.	<b>KRISIS MUSANG KING: SIAPA PERLU DIBELA?, FORUM, UM -18</b>	

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	29

## Kelantan, MAFI bincang bangun pertanian dan penternakan di Kelantan

**KOTA BHARU** - Kerajaan Kelantan mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Putrajaya kelmarin bagi membincangkan pembangunan pertanian serta penternakan di negeri itu.

Kunjungan yang diketuai oleh Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail itu juga bertujuan untuk membina hubungan erat antara kerajaan Persekutuan dan negeri.

Tuan Mohd Saripudin berkata, terdapat pelbagai perkara disampaikan kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee untuk dimanfaatkan golongan sasar di Kelantan.

“Perbincangan memfokuskan kepada kerjasama untuk membangunkan sektor pertanian dan penternakan di Kelantan.

“Kelantan antara penyumbang kepada sektor pertanian negara. Oleh itu, kerajaan negeri optimis meningkatkan pengeluaran padi negeri, sekali gus menyumbang kepada jaminan keselamatan



Tuan Mohd Saripudin (dua dari kanan) ketika mengadakan kunjungan hormat di pejabat MAFI di Putrajaya kelmarin.

makanan negara,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Selain itu katanya, antara isu berbangkit ialah masalah saliran dan pengairan dihadapi penanam khususnya tanaman padi dengan kedua-dua pihak telah membincangkan dan bersetuju dengan alternatif jangka masa panjang dan pendek.

“Selain itu, bagi sektor penternakan pula, sektor tenusu merupakan keutamaan yang akan diperkasakan dalam pembangunan ruminan negeri ini selepas pelan pembangunan sistem pengeluaran lembu hybrid NAIMbif mencapai tahap membanggakan di negeri Kelantan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2020	KOSMO	NEGARA	18

## Dua miliki karkas didenda RM5,000

**SHAH ALAM** – Dua individu termasuk seorang wanita mualaf didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan memiliki daging kerbau dan lembu yang tidak disembelih pada Januari dan Februari lalu.

Majistret Hanie Dzatul Akhmar Zulkefli turut memerintahkan Nur Sakinah Abdullah, 54 dan C. Mogan Raj, 33, sebagai Orang Kena Saman (OKS) dipenjara dua bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut. OKS membayar denda tersebut.

Selain itu, kesemua 34 barang kes yang disita diserahkan kepada Jabatan Veterinar untuk pelupusan.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh mengaku bersalah se-

lepas pertuduhan dibacakan secara berasingan oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua mereka didakwa memiliki karkas kerbau dan lembu yang tidak disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau dilesenkan.

Nur Sakinah didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan sebuah kedai kawasan industri di Kampung Baru Sungai Buloh, Sungai Buloh pukul 8.20 pagi pada 26 Januari lalu.

Mogan pula melakukan kesalahan itu di sebuah tapak pasar malam di Shah Alam pukul 3 petang, 19 Februari lalu.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar, Mohammad Firdaus Mat Ludin.



**MOGAN**



**NUR SAKINAH**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2020	KOSMO	NEGARA	14

# Usahakan tanaman cendawan bantu golongan asnaf

## Kisah masyarakat

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**KUALA KRAI** – Sepasang suami isteri dari Desa Qaseh di sini mengusahakan sebanyak 2,000 bongkah cendawan kukur dan tiram kelabu untuk mencari dana bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Pasangan itu, Che Norhayati Mohamed, 54, dan suaminya, Mejar (B) Md. Sabri Said, 62, mengusahakan tanaman tersebut sejak tiga bulan lalu.

Menurut Che Norhayati, dia dan suaminya mengeluarkan wang sendiri untuk mendapatkan bekalan cendawan itu daripada pembekal di Pasir Mas dekat sini dan Terengganu.

Katanya, dia membina bangsal khas di pekarangan rumahnya untuk menempatkan kesemua bongkah cendawan tersebut.

"Selain menjual cendawan (untuk perbelanjaan asnaf), kami juga memberi cendawan secara percuma supaya mereka dapat mengusahakan sendiri tanaman itu di rumah masing-masing.

"Setakat ini, seramai 20 asnaf dari Kelantan dan Kuala Lumpur menerima cendawan untuk diusahakan di rumah masing-masing," katanya ketika ditemui



**CHE NORHAYATI dan suaminya menunjukkan cendawan kukur yang diusahakan mereka di Kuala Kral semalam.**

Kosmo! di sini semalam.

Menurut pengasas kumpulan aktivis masyarakat, Pertubuhan Cempaka Merah Asnaf itu, dia memilih cendawan kerana pulangnya yang lumayan.

Katanya, kedua-dua jenis cendawan itu mudah dijaga dan hasilnya dapat dituai sepanjang masa.

"Selain diberikan bongkah,

kami juga memberi tunjuk ajar mengenai cara-cara menjaga dan menuai cendawan.

"Kita mahu asnaf berdikari dan membantu mereka keluar daripada kemiskinan," katanya.

Jelasnya, harga pasaran cendawan kukur basah kini mencecah RM50 hingga RM80 sekilogram, manakala cendawan tiram kelabu pula RM12 sekilogram.

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

### Kuantan

**P**ekebun durian Musang King yang didakwa menceroboh tanah kerajaan dan hutan simpan di Raub berunding dengan kerajaan negeri Pahang bagi mempertahankan kebun mereka yang diusahakan lebih 40 tahun.

Pengerusi *Save Musang King Alliance* (Samka) Chang Yee Chin berkata, rundingan pertama dibuat dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Raub, kelmarin dan pertemuan itu berjalan dalam suasana baik dengan beberapa perkara utama dibincangkan.

"Lebih 1,000 pekebun masih berminat menguruskan kebun durian yang mereka tanam dan berharap ada jalan penyelesaian terbaik yang akan diputuskan bagi kepentingan kedua-dua pihak.

"Selagi ada ruang dan peluang, kita akan bekerjasama dengan kerajaan Pahang untuk mendapat keputusan 'menang-menang'," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Chang yang mewakili semua pekebun durian di Raub berkata, mereka tidak berniat atau bercadang untuk memusnahkan pokok buah-buahan yang ada sebagai tanda protes memandangkan pintu rundingan masih terbuka luas.

Malah, katanya, pekebun sudah mengeluarkan modal besar untuk mengusahakan kebun durian Musang King dan amatlah rugi jika pokok yang kebanyakannya sudah mengeluarkan hasil dimusnahkan.

"Saya yakin melalui perbincangan yang diadakan tidak mustahil keputusan terbaik akan dapat dimuktamadkan demi kebaikan bersama. Kami akur kata putus



PEKEBUN bersedia membayar cukai tanah dan sewa kepada kerajaan Pahang.

## 'Amatlah rugi'

*Pekebun durian di Raub cari penyelesaian 'menang-menang' bersama kerajaan negeri*

### 135 wakil NGO zahir sokongan

**Raub:** Seramai 135 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkumpul di luar Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub bagi menzahirkan sokongan terhadap kerajaan negeri Pahang dalam menangani isu pencerobohan tanah oleh pekebun durian.

Mereka turut membuat laporan polis mendesak penceroboh diambil tindakan.

Presiden Pertubuhan Martabat Jalinan Muhibbah Malaysia, Abdul Rani Kulup Abdullah berkata, pihaknya mahu tindakan sewajarnya diambil selepas difahamkan 111 pekebun durian meneroka

secara haram rizab hutan simpan dan tanah kerajaan negeri berkeluasan 4,400 hektar.

"Kerajaan patut tegas terhadap penceroboh dan mengambil tindakan supaya tiada sesiapa meneroka kawasan itu lagi.

"Saya harap operasi pencerobohan haram diadakan untuk menangani hal ini termasuk di seluruh negara," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Abdul Rani berkata, Pahang menjadi negeri pertama yang bertegas dalam hal itu dan percaya isu sama turut dihadapi negeri lain.

yang akan dibuat nanti.

"Malah, kita boleh membayar cukai tanah dan sewa kepada kerajaan seperti disyaratkan kerana mahu terus berkebun," katanya yang memberitahu hasil durian itu bukan hanya memberi pendapatan kepada pekebun tetapi juga kerajaan negeri.

Pada 1 Ogos lalu, kerajaan negeri Pahang mengumumkan tindakan tegas terhadap pekebun durian di Raub yang mengusahakan tanaman buah itu secara haram di atas tanah kerajaan serta kawasan hutan simpan.

Tindakan didakwa menye-

babkan kerajaan mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah.

Antara kawasan terabit ialah Hutan Simpan Gunung Benom, sekitar Sungai Ru-an, Sungai Chalit serta Trinum dan Tras.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

# Tiada rundingan dengan pekebun Musang King

Oleh **ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**RAUB:** Pejabat Tanah dan Daerah menafikan mengadakan rundingan dengan pekebun Musang King berhubung isu penerokaan tanah haram di daerah tersebut seperti dilaporkan sebuah akhbar semalam.

Menurut kenyataan pentadbir Tanah Raub, dakwaan dibuat oleh peneroka tanah di situ dan dilaporkan oleh akhbar terbabit adalah tidak benar.

"Kita kesal dengan dakwaan pekebun yang disiarkan dalam akhbar tentang rundingan yang kononnya dilakukan Pejabat Tanah dan Daerah Raub dengan pekebun durian di tanah kerajaan.

"Tiada sebarang rundingan dibuat dengan wakil pekebun durian Musang King yang menceroboh tanah kerajaan negeri pada 2 September 2020," katanya semalam.

Menurut kenyataan itu, semua pihak perlu bersikap bertanggungjawab dan tidak mengeluarkan dakwaan palsu atau memanipulasi mana-mana pihak dalam isu berkenaan.

Akhbar tersebut semalam



**BEBERAPA** pekebun mempersoalkan tindakan polis selepas hanya individu yang mempunyai pas dibenarkan masuk ke ladang durian di Sungai Ruan, Raub pada 25 Ogos lalu.

melaporkan pengusaha kebun Musang King mahu mengadakan rundingan dengan kerajaan Pahang bagi mempertahankan kebun mereka yang diusahakan lebih 40 tahun.

Pengerusi Save Musang King Alliance (Samka), Chang Yee Chin, dipetik berkata, bagi mendapat keputusan 'menang-me-

nantang', rundingan kali pertama dengan Pejabat Tanah dan Daerah Raub telah diadakan dan pertemuan berjalan lancar dalam suasana baik.

Kelmarin Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menyatakan kerajaan negeri tidak akan berkompromi dan akan terus bertegas dalam isu

pekebun haram Musang King.

Bagaimanapun, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri menyanggahkan mengambil tindakan tegas ekoran keputusan Mahkamah Tinggi yang membatalkan notis pengosongan tanah yang dikeluarkan Pejabat Daerah dan Tanah Raub sehingga 28 Oktober ini.

## Krisis Musang King: Siapa perlu dibela?

### SAUDARA PENGARANG,

SEKALI pandang, isu durian Musang King di Pahang nampak seperti kerajaan negeri yang bersalah. Mana tidaknya, akhbar melaporkan yang kerajaan negeri telah memajak tanah-tanah kebun raja buah itu kepada Royal Pahang Durian Produce-PKPP Sdn. Bhd. (RPDP-PKPP), iaitu usahasama antara Royal Pahang Durian Group (RPDG) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP).

Padahal, ramai tidak sedar yang tauke-tauke kebun Musang King itu sebenarnya telah menceroboh tanah milik kerajaan. Bermakna kesemua 5,357 ekar tanah kebun Musang King berkenaan diteroka secara haram.

Ketika tauke-tauke Musang King tersebut 'menjajah' hutan itu, apakah kita tidak fikir yang mereka telah melakukan kerosakan terhadap sistem ekologi kawasan berkenaan?

Sebelum para pekebun haram berkenaan membina kebun mereka, sudah tentu begitu banyak pokok balak ditebang. Soalnya, ke mana kayu-kayu balak itu pergi? Jika dijual, siapa yang sedang menikmati kekayaan hasil daripada pemusnahan kejam itu? Rakyat perlu berhenti menganggap mereka dianiaya.

Kegiatan kebun haram itu mengakibatkan kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah. Pekebun-pekebun haram tersebut sewajarnya perlu segera dihadapkan ke muka pengadilan. Pelbagai akta boleh diteliti antaranya Akta Perhutanan Negara 1984 atau Kanun Tanah Negara 1965. Mereka ini boleh didakwa kerana tidak mematuhi skim pengesanan pendudukan tanah di sisi undang-undang (*legalization scheme*).

Maka wajarlah kita semua menyokong tindakan Kerajaan Negeri Pahang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap para pekebun haram ini.

**SARFARIZMAL SAAD**

Bekas pemimpin pelajar universiti tempatan



**RAUB** merupakan antara daerah di Pahang yang sering dikunjungi kerana terdapat Musang King sepanjang tahun. - UTUSAN